

The logo for MSWG (Minority Shareholder Watchdog Group) features the letters 'MSWG' in white on a dark blue background.

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia \* Company No. 524898-M

# The Observer

## MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Minggu ini kami telah mengadakan Majlis Anugerah Tadbir Urus Korporat MSWG-ASEAN 2015, yang mengiktiraf individu dan organisasi terbaik yang menunjukkan kecemerlangan dalam usaha mencapai kejayaan jangka panjang dan nilai pemegang saham dengan mematuhi standard tertinggi dalam tadbir urus korporat.

Anugerah ini, yang memasuki edisi ke-4, melibatkan penilaian ke atas 870 syarikat tersenarai, atau kira-kira 94% daripada semua syarikat tersenarai awam di Bursa Malaysia.

Penemuan soal selidik menunjukkan kemajuan baik dalam semua bidang, di mana purata skor asas untuk semua syarikat yang dinilai meningkat kepada 62.97 mata, paling tinggi sejak kami memulakan soal selidik Tadbir Urus Korporat pada tahun 2009.

Purata skor asas untuk 100 syarikat tersenarai teratas, iaitu 80.41 mata, juga merupakan skor tertinggi pernah dicapai, mencerminkan kemajuan yang dicapai dalam negara kita dari sudut tadbir urus korporat oleh syarikat-syarikat korporat.

Oleh itu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua penerima anugerah 2015 kami dan juga kepada para penerima anugerah utama, seperti berikut:

Ketua Pegawai Eksekutif 2015: Tan Sri Dato' Sri Zamzamzairani Mohd Isa (Telekom Malaysia Berhad)

Anugerah Pengiktirafan Serantau Untuk Sumbangan kepada Tadbir Urus Korporat: Profesor Mak Yuen Teen

Anugerah Kecemerlangan Penciptaan Nilai Jangka Panjang: 1. Telekom Malaysia; 2. Public Bank; 3. Top Glove

Anugerah Kecemerlangan Prestasi dan Tadbir Urus Korporat Terbaik: 1. Bursa Malaysia; 2. Telekom Malaysia; 3. Public Bank; 4. Malayan Banking; 5. Allianz Malaysia

Tahniah kepada para pemenang!

Pada masa yang sama, selaras dengan kejayaan malam anugerah tadbir urus korporat ini, kami juga ingin mengiktiraf komitmen ValueCAP Sdn Bhd kepada Kod Pelabur Institusi, yang mana ia telah menjadi penandatanganan baru-baru ini.

Polisi dan syor di bawah Kod Pelabur Institusi, seperti dasar pengawasan, proses pemantauan, peraturan penglibatan, pengurusan konflik, akan membantu ValueCAP melaksanakan tanggungjawabnya dengan lebih baik dalam bidang ini.

Lebih-lebih lagi selepas peruntukan dana berjumlah RM20 bilion yang diamanahkan kepadanya melalui syarikat-syarikat induknya iaitu, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), Permodalan Nasional Bhd dan Khazanah Nasional Bhd, dengan kepercayaan untuk meningkatkan pasaran.

Menyentuh sedikit mengenai imbuhan pengarah, saya ingin memetik petikan ucapan Timbalan Gabenor Bank Negara baru-baru ini, pada majlis pelancaran Laporan Imbuhan Pengarah 2015.

Beliau menekankan kepentingan pampasan sewajarnya untuk pengarah bebas dalam institusi kewangan kita, yang akan membantu ahli lembaga bank melaksanakan yang terbaik mengikut kemampuan mereka -- suatu perkara yang kritikal -- memandangkan kepentingan sistemik mereka kepada ekonomi negara.

*“Paling penting, interaksi antara ganjaran lembaga pengarah, penilaian lembaga pengarah dan pelan penggantian memerlukan pendekatan berhati-hati sebagai sebahagian daripada sistem yang padu yang bekerja bersama-sama untuk meningkatkan prestasi lembaga pengarah.*

*“Dalam hal ini, pertimbangan bebas oleh lembaga dalam menetapkan strategi keseluruhan dan selera risiko di samping penyeliaan prestasi pengurusan kanan perlu sentiasa dikekalkan.”*

Oleh itu saya ingin menambah, imbuhan tidak perlu terlalu tinggi sehingga lembaga pengarah kehilangan kebebasan mereka dan juga tidak terlalu rendah untuk menarik calon-calon yang tepat.

Saya berharap ini akan menjadi panduan membuat keputusan berkaitan imbuhan, sebagai sebahagian daripada usaha yang lebih luas untuk membantu memacu lembaga pengarah berprestasi tinggi di negara kita.

Rita

## KEPUTUSAN DAN PENGIKTIRAFAN INDEKS KETELUSAN TADBIR URUS KORPORAT MSWG-ASEAN 2015 - MALAYSIA

### KEDUDUKAN 100 SYARIKAT TERATAS BERDASARKAN KETELUSAN DAN PRESTASI

No.	Nama Syarikat Terserai Awam
1	BURSA MALAYSIA
2	TELEKOM MALAYSIA
3	PUBLIC BANK
4	MALAYAN BANKING
5	ALLIANZ MALAYSIA
6	CIMB GROUP HOLDINGS
7	SUNWAY
8	IJM CORPORATION
9	NESTLE (MALAYSIA)
10	ASTRO MALAYSIA HOLDINGS
11	AXIATA GROUP
12	RHB CAPITAL
13	LPI CAPITAL
14	TOP GLOVE CORPORATION
15	UMW OIL & GAS CORPORATION
16	TENAGA NASIONAL
17	BRITISH AMERICAN TOBACCO (MALAYSIA)
18	MAXIS
19	SIME DARBY
20	DIGI.COM
21	MALAYSIA BUILDING SOCIETY

No.	Nama Syarikat Terserai Awam
34	PETRONAS GAS
35	PARAMOUNT CORPORATION
36	BIMB HOLDINGS
37	DELEUM
38	OSK HOLDINGS
39	KLCC PROPERTY HOLDINGS
40	GUINNESS ANCHOR
41	ALLIANCE FINANCIAL GROUP
42	IOI CORPORATION
43	IHH HEALTHCARE
44	HARTALEGA HOLDINGS
45	DAIBOCHI PLASTIC AND PACKAGING INDUSTRY
46	CCM DUOPHARMA BIOTECH
47	MALAYSIA MARINE AND HEAVY ENGINEERING HOLDINGS
48	CARLSBERG BREWERY MALAYSIA
49	AMWAY (MALAYSIA) HOLDINGS
50	WESTPORTS HOLDINGS
51	GD EXPRESS CARRIER
52	MY E.G.SERVICES
53	TRIPLC
54	OSK PROPERTY HOLDINGS

No.	Nama Syarikat Terserai Awam
67	HONG LEONG FINANCIAL GROUP
68	MISC
69	KUMPULAN PERANGSANG SELANGOR
70	UNITED PLANTATIONS
71	BINTULU PORT HOLDINGS
72	PUNCAK NIAGA HOLDINGS
73	SIGNATURE INTERNATIONAL
74	KOSSAN RUBBER INDUSTRIES
75	E.A. TECHNIQUE (M)
76	TAMBUN INDAH LAND
77	DRB-HICOM
78	MASTER-PACK GROUP
79	DATASONIC GROUP
80	GADANG HOLDINGS
81	SCICOM (MSC)
82	APEX HEALTHCARE
83	HAI-O ENTERPRISE
84	ENGTEX GROUP
85	ECS ICT
86	MESB
87	IOI PROPERTIES GROUP

No.	Nama Syarikat Terserai Awam
22	IJM PLANTATIONS
23	UMW HOLDINGS
24	MALAYSIA AIRPORTS HOLDINGS
25	MSM MALAYSIA HOLDINGS
26	PRESTARIANG
27	FELDA GLOBAL VENTURES HOLDINGS
28	UEM EDGENTA
29	BARAKAH OFFSHORE PETROLEUM
30	MEDIA PRIMA
31	POS MALAYSIA
32	PETRONAS CHEMICALS GROUP
33	UEM SUNRISE

No.	Nama Syarikat Terserai Awam
55	UCHI TECHNOLOGIES
56	PETRONAS DAGANGAN
57	WELLCALL HOLDINGS
58	RGB INTERNATIONAL
59	DIALOG GROUP
60	CAHYA MATA SARAWAK
61	FRASER & NEAVE HOLDINGS
62	NAIM HOLDINGS
63	SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA
64	MATRIX CONCEPTS HOLDINGS
65	DUTCH LADY MILK INDUSTRIES
66	KPJ HEALTHCARE

No.	Nama Syarikat Terserai Awam
88	SCOMI ENERGY SERVICES
89	TEO SENG CAPITAL
90	HONG LEONG BANK
91	TALIWORKS CORPORATION
92	BUMI ARMADA
93	TIEN WAH PRESS HOLDINGS
94	PROGRESSIVE IMPACT CORPORATION
95	HENG HUAT RESOURCES GROUP
96	HAP SENG CONSOLIDATED
97	GAMUDA
98	AFFIN HOLDINGS
99	LAFARGE MALAYSIA
100	GHL SYSTEMS

Secara keseluruhannya, terdapat 13 kategori anugerah yang dipertandingkan. Anugerah pengiktirafan dan para pemenangnya adalah seperti berikut:

No.	Kategori	Pemenang
1.	Anugerah Kecemerlangan Prestasi dan Tadbir Urus Korporat Terbaik (Keseluruhan)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bursa Malaysia</li> <li>2. Telekom Malaysia</li> <li>3. Public Bank</li> <li>4. Malayan Banking</li> <li>5. Allianz Malaysia</li> </ol>
2.	Anugerah Merit Untuk Pendedahan Tadbir Urus Korporat	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bursa Malaysia</li> <li>2. Telekom Malaysia</li> <li>3. CIMB Group Holdings</li> <li>4. Malayan Banking</li> <li>5. IJM Corporation</li> <li>6. RHB Capital</li> <li>7. Public Bank</li> <li>8. Axiata Group</li> <li>9. IJM Plantations</li> <li>10. LPI Capital</li> </ol>
3.	Anugerah Merit Untuk Prestasi dan Tadbir Urus Korporat Terbaik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Permodalan Pasaran di antara RM300 juta hingga RM1 bilion <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Paramount Corporation</li> <li>2. Deleum</li> <li>3. Daibochi Plastic and Packaging Industry</li> <li>4. CCM Duopharma Biotech</li> </ol> </li> <li>• Permodalan Pasaran di antara RM100 juta hingga RM300 juta <ol style="list-style-type: none"> <li>1. RGB International</li> <li>2. Signature International</li> </ol> </li> <li>• Permodalan Pasaran di bawah RM100 juta <ul style="list-style-type: none"> <li>- Master-Pack Group</li> </ul> </li> </ul>
4.	Anugerah Merit Untuk Penambahbaikan Terbaik	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Allianz Malaysia</li> <li>2. Top Glove Corporation</li> </ol>
5.	Anugerah Kecemerlangan Untuk Penciptaan Nilai Jangka Panjang (Kategori Keseluruhan)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Telekom Malaysia</li> <li>2. Public Bank</li> <li>3. Top Glove Corporation</li> </ol>
6.	Anugerah Kecemerlangan Untuk Amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus Korporat (ESG)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kumpulan Axiata</li> <li>2. Sime Darby</li> <li>3. DiGi.Com</li> </ol>
7.	Anugerah Merit Untuk AGM Paling Segera	LPI Capital
8.	Anugerah Merit Untuk Pelaksanaan AGM & Pendedahan Minit (Kategori Keseluruhan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kategori Keseluruhan <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kumpulan Axiata</li> <li>2. CIMB Group Holdings</li> <li>3. Telekom Malaysia</li> </ol> </li> <li>• Pemodal Pasaran di bawah RM300 juta <ul style="list-style-type: none"> <li>- Hai-O Enterprise</li> </ul> </li> </ul>
9.	Anugerah Merit Untuk Kepelbagaian Lembaga	Top Glove Corporation
10.	Kecemerlangan Industri	• Perladangan

No.	Kategori	Pemenang
		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Sime Darby</li> <li>• Kewangan <ul style="list-style-type: none"> <li>- Public Bank</li> </ul> </li> <li>• Hartanah dan Pembinaan <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sunway</li> </ul> </li> <li>• Minyak dan Gas <ul style="list-style-type: none"> <li>- Petronas Chemicals Group</li> </ul> </li> <li>• Makanan dan Minuman <ul style="list-style-type: none"> <li>- Nestle (Malaysia)</li> </ul> </li> <li>• Pembuatan <ul style="list-style-type: none"> <li>- Top Glove Corporation</li> </ul> </li> <li>• Barangan dan Perkhidmatan Pengguna <ul style="list-style-type: none"> <li>- British American Tobacco (Malaysia)</li> </ul> </li> <li>• Penjagaan Kesihatan <ul style="list-style-type: none"> <li>- IHH Healthcare</li> </ul> </li> <li>• Telekomunikasi &amp; Media <ul style="list-style-type: none"> <li>- Telekom Malaysia</li> </ul> </li> <li>• Pelabuhan &amp; Utiliti <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tenaga Nasional</li> </ul> </li> </ul>
11.	Ketua Pegawai Eksekutif Terbaik	Tan Sri Dato' Sri Zamzamairani Mohd Isa (Telekom Malaysia)
12.	Anugerah Pengiktirafan Serantau Untuk Sumbangan kepada Tadbir Urus Korporat	Professor Mak Yuen Teen
13.	Anugerah Pengiktirafan Sumbangan Ke Atas Peningkatan Amalan Tadbir Urus Korporat Di Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Encik Goh Ching Yin (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia)</li> <li>- Puan Selvarany Rasiah (Bursa Malaysia)</li> <li>- Encik Wan Kamaruzaman Bin Wan Ahmad (Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan))</li> </ul>

---

## KEMASKINI MAKLUMAT PASARAN DAN KAWAL SELIA

### **SC MEMBATALKAN LESEN MERCURY ASSET MANAGEMENT SDN BHD**

SC membatalkan Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSL) Mercury Asset Management Sdn Bhd (MAM) berikutan aktiviti pengawalaturan pengurusan dana, berkuat kuasa dari 19 November 2015.

CMSL MAM dibatalkan di bawah Seksyen 72 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA) kerana melanggar Seksyen 61 (4) CMSA kerana kegagalan MAM untuk mematuhi keperluan sumber kakitangan utama yang ditetapkan dalam syarat-syarat lesennya. Oleh itu, MAM tidak lagi layak dan sesuai untuk terus dilesenkan sebagai pemegang CMSL.

MAM tidak memfailkan sebarang rayuan terhadap keputusan SC dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam CMSA.

*[Sumber: Kenyataan media SC di laman web SC pada 10 Disember 2015]*

---

## PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

### **TRANSOCEAN HOLDINGS BHD (“THB”)**

SC mendakwa pengarah THB dan dua individu lain atas tuduhan perdagangan orang dalam pada 8 Disember 2015. Tan Swee Hock, 62, didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur kerana memperoleh 632,700 unit saham Transocean Holdings Berhad antara 20 Ogos 2009 dan 6 November 2009, ketika memiliki maklumat bukan awam yang ketara.

SC mendakwa maklumat bukan awam ketara yang disebut dalam pertuduhan berkaitan dengan cadangan tawaran pengambilalihan saham THB oleh Kumpulan Kenderaan Malaysia Berhad. Tawaran pengambilalihan itu diumumkan kepada Bursa Malaysia pada 6 November 2009.

Berikutan itu, Tan secara sukarela meletakkan jawatan sebagai Pengarah Eksekutif THB pada 9 Disember 2015.

*[Sumber: Kenyataan media SC di laman web SC pada 8 Disember 2015 dan pengumuman THB di laman web Bursa Malaysia pada 9 Disember 2015]*

#### KOMEN MSWG:

Kami menyambut baik langkah Tan untuk meletakkan jawatan eksekutif sementara beliau menantikan perbicaraan. Tan mungkin tidak dapat memberikan komitmen kepada syarikat kerana beliau perlu menumpukan perhatian kepada pembelaannya dalam perbicaraan itu. Peletakan jawatan beliau juga mengelakkan sebarang kontroversi kerana jawatan beliau sebagai eksekutif memberikan akses kepada maklumat orang dalam di syarikat itu.

---

#### **PENZAHIRAN KEPENTINGAN**

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini kecuali bagi Transocean Holdings Bhd.*

---

#### **Maklumbalas**

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke [mSWG.ceo@mSWG.org.my](mailto:mSWG.ceo@mSWG.org.my).

---

#### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca*

*atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*